

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan**

**TARIKH : 13 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) punca sebenar musibah banjir besar yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur pada akhir tahun 2014 berdasarkan hasil kajian Kementerian; dan
- (b) apakah langkah pemantauan yang diyakini berkesan agar sebarang aktiviti tidak bertanggungjawab yang dikenal pasti boleh dibanteras hingga ke akar umbi.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Punca utama kejadian banjir besar yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur pada akhir tahun 2014 adalah disebabkan oleh keamatan hujan yang luar biasa. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, sebanyak 5 episod hujan lebat yang menyeluruh dan berterusan selama 3 hingga 7 hari yang berpunca dari luruan angin monsun dari kawasan Siberia semasa Monsun Timur Laut dari bulan November 2014 hingga Januari 2015. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya pembentukan awan hujan yang banyak dan mengakibatkan hujan lebat berterusan dan banjir berlaku di terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) di bawah Kementerian ini, mendapati hujan ekstrem yang berpotensi menyebabkan kejadian banjir luar biasa diunjurkan akan mencapai sehingga 1,150 mm sehari yang dijangka akan berlaku di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia dalam tempoh sehingga 2040.
- b) Penguatkuasaan bagi membanteras sebarang aktiviti yang tidak bertanggungjawab adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa

Negeri. Pegawai- pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di seluruh negara sentiasa memantau rizab-rizab sungai untuk mengesan aktiviti-aktiviti yang berpotensi menjadi punca kepada kejadian banjir seperti pencerobohan rizab sungai dan kerja-kerja tanah yang tidak terkawal. Manakala di bahagian hulu sungai pula, Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa memantau supaya kawasan Hutan Simpanan Kekal tidak diceroboh.

Sekian terima kasih.